

KENYATAAN MEDIA

KEPUTUSAN SESI PENDENGARAN ATLET LOMPAT TINGGI YANG GAGAL UJIAN KAWALAN DOPING DI KEJOHANAN TREK DAN BALAPAN KESATUAN OLAHRAGA MALAYSIA (KOM) 2023

1. Agensi Anti-Doping Malaysia (ADAMAS) telah menerima satu (1) laporan *Adverse Analytical Finding* (AAF) iaitu penemuan bahan terlarang dalam sampel urin milik seorang atlet olahraga (disiplin: lompat tinggi) yang diambil semasa Kejohanan Trek dan Balapan Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) 2023. Proses pengujian kawalan doping dan analisis sampel yang diterima adalah sah dan mematuhi Peraturan Anti-Doping ADAMAS 2021 dan piawaian antarabangsa semasa.
2. Pengesahan keputusan tersebut telah diterima dari Makmal Anti-Doping, Doha, Qatar bagi analisis sampel iaitu penemuan bahan terlarang dalam sampel berkenaan iaitu dalam kelas S.6 Stimulants - sibutramine. Sibutramine merupakan bahan yang disenaraikan dalam senarai bahan yang dilarang penggunaannya semasa pertandingan oleh *World Anti Doping Agency* (WADA).
3. ADAMAS telah memaklumkan atlet tersebut mengenai keputusan analisis makmal tersebut melalui pemberitahuan pertama dan notis pertuduhan pelanggaran peraturan anti-doping. Setelah menerima notis pertuduhan tersebut, atlet telah memohon secara bertulis untuk diadakan satu sesi pendengaran di hadapan Panel Pendengaran Anti-Doping Malaysia. Atlet juga telah digantung sementara daripada menyertai sebarang kejohanan atau pertandingan lain sehingga keputusan proses pendengaran diumumkan.

4. Selaras dengan Peraturan Anti-Doping ADAMAS 2021 dan *World Anti-Doping Code* 2021, Panel Pendengaran Anti-Doping Malaysia telah memutuskan bahawa atlet telah membuat pelanggaran Peraturan Anti-Doping ADAMAS 2021 dan digantung daripada sebarang penyertaan sukan selama dua (2) tahun bermula daripada 2 Jun 2023 sehingga 1 Jun 2025 (11.59PM). Atlet boleh mengemukakan rayuan secara bertulis terhadap keputusan ini selewat-lewatnya 24 Januari 2024 (Rabu) kepada pihak ADAMAS.
5. Keseluruhan proses telah dijalankan dengan telus dan mengikut Peraturan Anti-Doping ADAMAS 2021 dan *International Standard for Results Management* (ISRM) yang berkuat kuasa.
6. Prinsip kebertanggungjawaban mutlak (*Principle of Strict Liability*) adalah terpakai kepada atlet. Ini bermakna setiap atlet harus bertanggungjawab sepenuhnya terhadap bahan yang terdapat dalam sampel urin dan/atau sampel darah mereka yang diambil semasa pengujian kawalan doping, tidak kira sama ada atlet itu secara sengaja atau tidak sengaja menggunakan bahan atau kaedah terlarang. Oleh itu, adalah penting untuk semua atlet dan Kakitangan Sokongan Atlet mematuhi peraturan anti-doping dan memahami tanggungjawab mereka di bawah Kod Anti-Doping Dunia.

Agensi Anti-Doping Malaysia (ADAMAS)
10 Januari 2024